

# Produktiviti buruh catat pertumbuhan negatif

**PETALING JAYA:** Produktiviti buruh Malaysia mencatatkan pertumbuhan negatif 1.1 peratus dengan jumlah jam bekerja meningkat 4.0 peratus bagi merekodkan 9.3 bilion jam pada suku kedua 2023, menurut Jabatan Perangkaan.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, ia selari dengan ekonomi Malaysia yang berkembang sederhana sebanyak 2.9 peratus, menunjukkan peningkatan yang lebih perlahan berbanding kadar pertumbuhan suku sebelumnya sebanyak 5.6 peratus.

Ujarnya, bilangan pekerjaan meningkat kepada 16.1 juta orang, atau pertumbuhan 2.8 peratus tahun ke tahun.

“Dari segi nilai, produktiviti buruh per jam bekerja pada suku kedua 2023 ialah RM40.60 berbanding 41.20 per jam pada suku pertama 2023.

“Produktiviti buruh pula diukur sebagai nilai ditambah bagi setiap pekerja menunjukkan peningkatan marginal sebanyak 0.02 peratus untuk merekodkan nilai sebanyak RM23,407 selepas mencatatkan RM23,718 per pekerja pada suku pertama lepas,” katanya.

Beliau menjelaskan, merujuk kepada prestasi mengikut sektor bagi produktiviti buruh yang diukur sebagai nilai ditambah per jam bekerja, dua sektor mencatatkan peningkatan didahului oleh sektor pembinaan pada 3.5 peratus dan di-

kuti oleh sektor perkhidmatan pada 0.1 peratus.

“Tiga sektor mencatatkan penurunan iaitu perlombongan dan pengkuarian pada -6.7 peratus, pembuatan pada -3.9 peratus dan pertanian pada -2.9 peratus.

“Selain itu, empat subsektor utama yang menunjukkan kenaikan dalam sektor perkhidmatan adalah pengangkutan dan penyimpanan (5.6 peratus); diikuti perkhidmatan lain (4.5 peratus); harta tanah dan perkhidmatan perniagaan (2.8 peratus) dan perdagangan borong dan runcit (0.8 peratus), manakala subsektor lain merekodkan pertumbuhan negatif,” ujarnya.

Sementara itu, Mohd. Uzir

berkata, produktiviti buruh bagi sektor pembuatan didahului terutamanya oleh subsektor produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka (3.9 peratus) dan produk tekstil, pakaian dan kuitlit (3.8 peratus).

“Dari segi prestasi mengikut sektor bagi produktiviti buruh yang dinyatakan sebagai nilai ditambah per pekerja, sektor pembinaan mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun yang lebih ketara sebanyak 5.2 peratus diikuti sektor perkhidmatan pada 1.0 peratus manakala tiga sektor iaitu perlombongan dan pengkuarian, pembuatan dan pertanian masing-masing turun sebanyak -3.0 peratus, -2.6 peratus dan -1.3 peratus.

“Subsektor pemangkin bagi pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan didahului oleh pengangkutan dan penyimpanan (6.6 peratus); diikuti harta tanah dan perkhidmatan perniagaan (4.9 peratus); perkhidmatan lain (3.9 peratus); utiliti (3.0 peratus); perdagangan borong dan runcit (2.7 peratus) dan makanan dan minuman dan penginapan (0.5 peratus), manakala subsektor lain merekodkan pertumbuhan negatif,” ujarnya.

Merumuskan kenyataan beliau, Mohd. Uzir menegaskan, walaupun dijangkakan pertumbuhan ekonomi yang sederhana tahun ini, produktiviti buruh dijangka mencatatkan prospek yang lebih baik.